

JABATAN KEHAKIMAN  
MAHKAMAH AGUNG  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD  
50506 KUALA LUMPUR

---

Bit Kami : JK/IP(BT)No.14(2)  
Tarikh : 11hb Oktober 1988

Y.A. Hakim-Hakim, Mahkamah Agung.  
Y.A. Hakim-Hakim, Mahkamah Tinggi.  
Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Agung/Tinggi.  
Semua Hakim Mahkamah Sesyen.  
Semua Majistret, Mahkamah Majistret.

Yang Arif/Tuan/Puan,

Per: Nota Amalan (Penyelarasan Penggunaan Bahasa Malaysia)  
No. 1 Tahun 1988

Saya telah diarahkan oleh Y.A.A. Hakim Besar Malaya sebagai susulan kepada arahan yang pertama bertujuan menggalakkan keseragaman penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah.

Panduan Tatacara bagi Peguam-Peguam bila menjalankan prosiding Mahkamah

Pegawai-Pegawai mahkamah hendaklah memulakan pengucapan di mahkamah (tertakluk kepada arahan Y.A.A. Hakim Besar Malaya dalam surat Ketua Pendaftar bertarikh 13hb. September 1988) seperti berikut:

...2/-

1. Perbicaraan di Mahkamah Majistret/Sesyen

A. Perbicaraan Kes Jenayah

(a) "Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya ..... (sebut nama) ..... akan menjalankan pendakwaan pada hari ini."

(b) "Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam pembela bagi tertuduh" (jika lebih daripada seorang tertuduh sebutkan sama ada tertuduh pertama, kedua dan seterusnya).

(c) Jika seorang peguam pembela ingin menyebut bagi pihak peguam pembela lain yang hadir ia hendaklah berkata:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam pembela bagi tertuduh pertama dan rakan saya yang bijaksana ..... (sebut nama) ..... mewakili tertuduh kedua" (dan seterusnya).

- (d) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi peguam pembela tertuduh yang tidak dapat hadir ia hendaklah berkata:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya ..... (sebut nama) ..... menyebut bagi pihak ..... (sebut nama) ..... peguam pembela tertuduh yang pertama (kedua dan seterusnya) yang tidak dapat hadir kerana ..... (berikan sebab-sebabnya) .."

- (e) Jika seorang peguam ingin meminta penangguhan ia hendaklah berkata:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya ..... (sebut nama) ..... peguam pembela tertuduh yang pertama (kedua dan seterusnya) ingin memohon satu penangguhan kerana ..... (berikan sebab-sebabnya) .."

- (f) Jika seorang peguam hadir untuk arahan memerhati:

"Tuan/Puan Hakim Mahkamah Sesyen atau Tuan/Puan Majistret,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam yang menjalankan arahan memerhati bagi pihak ..... (sebut nama yang berkenaan) ..... dalam kes ini."

2. Perbicaraan di Mahkamah Tinggi

A. Perbicaraan Kes Jenayah

(a) "Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah Timbalan Pendakwa Raya yang akan menjalankan pendakwaan dalam perbicaraan ini."

(b) "Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam pembela bagi tertuduh" (jika lebih daripada seorang tertuduh sebutkan sama ada tertuduh pertama, kedua dan seterusnya).

(c) Jika seorang peguam pembela ingin menyebut bagi pihak peguam pembela lain yang hadir ia hendaklah berkata:-

"Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam pembela bagi tertuduh pertama dan rakan saya yang bijaksana ..... (sebut nama) ..... mewakili tertuduh kedua" (dan seterusnya).

- (d) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi peguam pembela tertuduh yang tidak dapat hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... menyebut bagi pihak  
..... (sebut nama) ..... peguam pembela tertuduh yang  
pertama (kedua dan seterusnya) yang tidak dapat  
hadir kerana (berikan sebab-sebabnya) ....."

- (e) Jika seorang peguam ingin meminta penangguhan ia hendaklah berkata:

"Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... peguam pembela tertuduh yang  
pertama (kedua dan seterusnya) ingin memohon satu  
penangguhan kerana ..... (berikan sebab-sebabnya) ....."

- (f) Jika peguam hadir untuk arahan memerhati:

"Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam yang  
menjalankan arahan memerhati bagi pihak  
..... (sebut nama yang berkenaan) ..... dalam kes ini."

B. Perbicaraan Kes-kes Rayuan di Mahkamah Tinggi

- (a) "Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah Timbalan Pendakwa Raya  
yang mewakili pihak perayu/responden (sebutkan  
mana yang berkenaan) dalam kes ini."

(b) "Yang Arif,

Saya ..... adalah peguam bagi pihak perayu/responden (sebutkan mana yang berkenaan) dalam kes ini."

(c) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi pihak peguam lain yang hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Arif,

Saya ..... adalah peguam bagi perayu/responden pertama dan rakan saya yang bijaksana ..... mewakili perayu/responden kedua" (dan seterusnya).

C. Perbicaraan Permohonan Jenayah (Notis Usul)

(a) "Yang Arif,

Saya ..... adalah Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili pihak pemohon/responden (sebutkan mana yang berkenaan) dalam kes ini."

(b) "Yang Arif,

Saya ..... adalah peguam bagi pihak pemohon/responden" (jika lebih daripada seorang pemohon/responden, sebutkan sama ada pemohon/responden pertama, kedua dan seterusnya).

- (c) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi pihak peguam lain yang hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam bagi pemohon/responden pertama dan rakan saya yang bijaksana ..... (sebut nama) ..... mewakili pemohon/responden kedua" (dan seterusnya).

- (d) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi peguam bagi pihak pemohon/responden yang tidak dapat hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... menyebut bagi pihak ..... (sebut nama) ..... peguam pemohon/responden yang pertama (kedua dan seterusnya) yang tidak dapat hadir kerana ..... (berikan sebab-sebabnya) .."

### 3. Perbicaraan Kes-Kes di Mahkamah Agung

#### A. Perbicaraan Permohonan Jenayah/Perbicaraan Rujukan Jenayah

- (a) "Yang Amat Arif/Yang Arif,

Saya ..... (sebut nama) ..... adalah Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili pihak pemohon/responden (sebutkan mana yang berkenaan) dalam kes ini."

(b) "Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam bagi pihak pemohon/responden" (jika lebih daripada seorang pemohon/responden, sebutkan sama ada pemohon/responden pertama, kedua dan seterusnya).

(c) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi pihak peguam lain yang hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... adalah peguam bagi pihak pemohon/responden pertama dan rakan saya yang  
(sebut nama)  
bijaksana ..... mewakili pemohon/  
responden kedua" (dan seterusnya).

(d) Jika seorang peguam ingin menyebut bagi peguam bagi pihak pemohon yang tidak dapat hadir ia hendaklah berkata:

"Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya ..... (sebut nama) ..... menyebut bagi pihak  
..... (sebut nama) ..... peguam bagi pihak pemohon/responden yang pertama (kedua dan seterusnya) yang tidak dapat hadir kerana ..... (berikan sebab-sebabnya) .."



B. Kes-Kes Rayuan

- (a) "Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya (sebut nama)..... Timbalan Pendakwa Raya yang  
mewakili pihak perayu/responden (sebutkan mana yang  
berkenaan) dalam kes ini."
- (b) "Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya (sebut nama)..... adalah peguam bagi pihak  
perayu/responden (sebutkan mana yang berkenaan)  
dalam kes ini."
- (c) Jika peguam hadir untuk arahan memerhati:  
"Yang Amat Arif/Yang Arif,  
Saya (sebut nama)..... adalah peguam yang  
menjalankan arahan memerhati bagi pihak  
(sebut nama)..... dalam kes ini."

Saya yang menurut perintah,



(ZAINAL ABIDIN BIN WAZIR)  
Pemangku Ketua Pendaftar,  
Jabatan Kehakiman Malaysia,  
Kuala Lumpur.

s.k.

1. Y.A.A. Pemangku Ketua Hakim Negara.
2. Y.A.A. Hakim Besar Borneo (untuk makluman).
3. Y.B. Peguam Negara Malaysia.
4. Pengarah Siasatan Jenayah,  
Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman, Kuala Lumpur.
5. Semua Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri.
6. Pengerusi Majlis Peguam Malaysia.
7. Pengerusi Jawatankuasa Peguam Negeri-Negeri.

Senarai penjelasan (glossary)

- |                                 |                            |
|---------------------------------|----------------------------|
| 1. Peguam                       | - Counsel                  |
| 2. Peguambela                   | - Advocate                 |
| 3. Peguam Pembela               | - Defence counsel          |
| 4. Peguambela & Peguamcara      | - Advocate & Solicitor     |
| 5. Notis Usul                   | - Notice of Motion         |
| 6. Menjalankan arahan memerhati | - Holding a watching brief |